



**KEMENTERIAN PERUMAHAN
DAN KERAJAAN TEMPATAN**
Unit Komunikasi Korporat
Aras 2, No. 51, Persiaran Perdana
Presint 4, 62100 PUTRAJAYA
MALAYSIA

Tel : 03 8891 5564
Faks : 03 8891 5557
Laman Web : www.kpkt.gov.my
Email : media.ukk@kpkt.gov.my
Twitter : @kpkt_gov
Facebook/ : KPKT Malaysia

Rujukan kami : KPKT/BPK/19/7/4 Klt.49 (2)
Tarikh : 28 Januari 2019

KENYATAAN MEDIA

MAJLIS PELANCARAN DASAR PERUMAHAN NEGARA (DRN) 2018 - 2025 DAN MAJLIS MENANDATANGANI PERJANJIAN PEMBANGUNAN RUMAH TRANSIT BELIA KPKT DAN RUMAH MAMPU MILIK

28 JANUARI 2019 (ISNIN)

Kuala Lumpur, 28 Januari 2019 - YB Puan Hajah Zuraida Kamaruddin, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah melancarkan Dasar Perumahan Negara (DRN) 2018 – 2025) hari ini di Sime Darby Convention Centre, Kuala Lumpur. DRN 2018-2025 ini telah diluluskan oleh Jemaah Menteri pada 9 November 2018 dan merangkumi 5 fokus, 16 strategi dan 57 pelan tindakan.

Pada tahun 2018 dan 2019, sebanyak 15 pelan tindakan telah dimulakan yang merangkumi pelaksanaan dasar, perundangan, garis panduan, tadbir urus, pembangunan komuniti, penyelenggaraan, penambahbaikan kepada teknologi pembinaan dan pendigitalan data.

Pelan tindakan DRN (2018-2025) yang telah dilaksanakan oleh KPKT ialah melaksanakan rasionalisasi perumahan melalui perpindahan 3 agensi utama yang terlibat dalam program perumahan ke bawah pentadbiran KPKT iaitu:

- (a) Perbadanan PRIMA Malaysia dari Jabatan Perdana Menteri;
- (b) Program Perumahan Penjawat Awam Malaysia (PPAM) dari Jabatan Perdana Menteri; dan
- (c) Syarikat Perumahan Nasional Berhad (SPNB) dari Kementerian Kewangan.

Satu sub dasar DRN (2018-2025) adalah Dasar Perumahan Mampu Milik Negara (DRMM) yang menggariskan standard, spesifikasi utama serta panduan bagi pembangunan rumah mampu milik. Ia merangkumi kategori perumahan awam dan sosial yang dibangunkan oleh Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri atau pihak swasta bagi menyediakan perumahan mampu milik awam dan sosial yang mencukupi, kondusif, selamat dan dilengkapi pelbagai kemudahan.

Dalam majlis yang sama, YB Puan Hajah Zuraida Kamaruddin turut menyaksikan Majlis Menandatangani Perjanjian Pembangunan Rumah Transit Belia KPKT Dan Rumah Mampu Milik antara Kerajaan Malaysia dengan TISY Sdn. Bhd. dan Pembinaan Kery Sdn. Bhd. sebagai pelabur yang akan membiayai kos perancangan dan pembinaan bangunan Rumah Transit Belia KPKT. Kerajaan melalui Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan pula akan menyediakan tanah tanpa perlu menyediakan sebarang kos Pembangunan.

Inisiatif ini diambil bagi mencapai hasrat Kerajaan yang telah mensasarkan pembinaan 10,000 unit rumah transit khusus untuk membantu golongan muda dan M40 terutamanya di bandar-bandar utama di Malaysia. KPKT telah menyahut saranan tersebut dengan merancang pelaksanaan Rumah Transit Belia KPKT dengan menyediakan perumahan transit sehingga mereka mampu membeli rumah sendiri.

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) diterajui oleh YB Puan Hajah Zuraida Kamaruddin. Di bawah Kementerian ini terdapat 7 Jabatan iaitu Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia; Jabatan Perumahan Negara; Jabatan Kerajaan Tempatan; Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara; Solid Waste Corporation Malaysia (SWCorp); Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata; dan Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

*Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat
b.p. Ketua Setiausaha
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan*

Telefon : 03-8891 5555

Faks : 03-8891 5557

E-mel : media.ukk@kpkt.gov.my